



## PENGSTRUKTURAN UNIT SUKAN DAN PUSAT SUKAN DI UniMAP

Mohd Hafeez Nordin

### UNIT SUKAN

Unit Sukan telah berada di UniMAP bermula pada seawal tahun 2002 iaitu bersamaan dengan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia atau lebih sinonimnya KUKUM. Unit ini telah beroperasi untuk memberikan perkhidmatan yang berbentuk aktiviti sukan, latihan, prasarana, alatan dan juga penyertaan kejohanan. Unit Sukan telah menyediakan pembangunan sukan yang berbentuk sukan prestasi tinggi, sukan teras dan sukan pilihan. Unit Sukan UniMAP telah menjadi ahli gabungan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) sejak tahun 2003 yang terdiri daripada lantikan Ahli Majlis MASUM dan juga Ahli Teknikal Kejohanan. Berikut adalah statistik kakitangan Unit Sukan yang bermula tahun 2002 sehingga 2008.

### Staf Unit Sukan

Tahun	L	W	Pegawai		Pen. Pegawai	Pembantu Belia	Lain-Lain Jawatan	Jum
			L	W				
			L	W				
2002	1	2			1	2		3
2003	3	1		1	1	1	1	4
2004	3		1			1	1	3
2005	1	1					1 1	2
2006	-	-	-	-	-	1	-	1
2007	2	3	1	1			3 -	5
2008	-	-	-	-	-	-	-	-

### PUSAT SUKAN

Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis ditubuhkan pada 1 Januari 2009, yang mana turut berfungsi sebagai satu pusat yang menyediakan prasarana, kemudahan dan persiapan untuk aktiviti sukan khususnya kepada Mahasiswa UniMAP. Pusat sukan beroperasi di kampus sementara Kubang Gajah Arau Perlis yang mana segala urusan pentadbiran, pengurusan prasarana dan juga stor peralatan telah di tempatkan di sana. Fungsi utama pusat sukan adalah untuk mengurus, menyediakan dan juga menjalankan aktiviti sukan khususnya untuk mahasiswa agar dapat beriadah dan juga menyertai pertandingan dengan lebih baik. Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis merupakan ahli majlis gabungan MASUM atau dikenali sebagai Majlis Sukan Universiti Malaysia yang merupakan satu badan sukan yang mana menganjurkan pelbagai aktiviti, kejohanan dan juga kursus-kursus yang berbentuk sukan kepada mahasiswa dan juga universiti-universiti yang terdapat di Malaysia seperti IPTA dan IPTS. Selain itu Pusat Sukan juga turut menyediakan pelbagai kemudahan prasarana yang terdapat di sekitar kawasan kampus dan juga kolej kediaman. Prasarana peralatan dan juga gelanggang permainan turut di sediakan untuk mahasiswa

menjalankan aktiviti riadah pelajar di samping dapat meningkatkan lagi sukan prestasi tinggi.

### Pertambahan Staf Untuk Pusat Sukan

Tahun	L	W	Pengarah		Pegawai Pen.	Pegawai Belia	Pembantu Belia	Lain-Lain Jawatan	Jum
			L	W					
			L	W					
2009			1	3	1	1	3	2	11
2010									

Jumlah terkini Keseluruhan Pusat Sukan adalah seramai : 29 org

### PENCAPAIAN SUKAN PELAJAR

#### Peringkat Universiti

Pencapaian mahasiswa dari peringkat dalaman universiti yang bermula dari tahun 2003 hingga ke tahun 2008 adalah melalui acara olahraga tahunan universiti yang mana penyertaan mahasiswa adalah mewakili rumah sukan melalui pusat-pusat pengajian yang bertandingan mengikut kategori mahasiswa dalam kejohanan tersebut :

Tahun	Tempat Kejohanan	Johan Rumah Sukan (Siswa)	Olahragawan Pelajar	Olahragawati Pelajar
2002	-	-	-	-
2003	-	-	-	-
2004	-	-	-	-
2005	Maktab Perguruan Perlis	PPK Komputer Perhubungan	Mohammad Mamat Ismail	Junicia Alicia Rut
2006	Maktab Perguruan Perlis	PPK Komputer Perhubungan	Mohd Hazwan Zahari	Nurul Sharizah Mohd Shukor
2007	UiTM Arau	PPK Komputer Perhubungan	Theban Raj Arumugam	Nurul Ilyana Mohamad Latfi
2008	UiTM Arau	PPK Mekatronik	Mohammad Isa Ahmad Azan	Siti Zubaidah Ismail
2009	UiTM Arau	PPK Mekatronik	Theban Raj Arumugam	Siti Zubaidah Ismail

### PENGANJURAN SUKAN DALAMAN

Pusat sukan juga turut melakukan penganjuran sukan sebagai aktiviti mahasiswa sama ada peringkat dalaman atau peringkat luaran universiti. Kejohanan ini lebih berfokuskan kepada peringkat kolej kediaman siswa, persiapan sukan teras ataupun kejohanan terbuka kepada seluruh warga negeri Perlis.

## Sport Inter College (SIC)

Tahun	Tempat Kejohanan	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
2007	UniMAP Kg wai	KKG	KKE	KKD	KKC	KKB
2008	UniMAP Kg Wai /Wang Ulu	KKG	KKF	KKE	KKB	KKC

## Peringkat MASUM

Seterusnya adalah pencapaian Mahasiswa diperingkat MASUM yang mana pasukan kontingen UniMAP telah menyertai Kejohanan Sukan MASUM sejak tahun 2003 yang mana pencapaian dan kejayaan Mahasiswa UniMAP di dalam arena sukan dapat diukur dan berikut adalah kejayaan yang diperolehi sepanjang penglibatan mereka dalam sukan MASUM:

Tahun	Tempat Kejohanan	Pencapaian					
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Lain-lain	Kejohanan Sukan/ Acara/	
2003	UUM	-	-	-	Peringkat Kumpulan	MASUM	Penyertaan kali 1
2004	UM	-	-	-	Peringkat Kumpulan	MASUM	Penyertaan kali ke 2
2005	UTM	-	-	-	Peringkat Kumpulan	MASUM	Penyertaan kali ke 3
2006	UKM	1	-	-	Sirkit Olahraga	MASUM	Olahraga Acara Jalan Kaki (lelaki)
2007	UPM	-	1	-	Sirkit Olahraga	MASUM	Olahraga Acara Jalan Kaki (lelaki)
2008	UMS	-	-	1	-	MASUM	Tekwondo Lelaki
2009	UUM/ UIAM	1	1	2	-	MASUM	Taekwondo Hoki Boling Padang Wanita

## Peringkat Kebangsaan

Mahasiswa UniMAP juga amat hebat di persada arena sukan yang mana mereka terpilih untuk mewakili diperingkat kebangsaan seperti Sukan SUKMA atau Sukan Institusi Pengajian Malaysia SIPMA.

Tahun	Sukan	SUKMA	Sukan	SIPMA
2004	Kriket	1 org	-	-
	Bola Sepak	1 org		
2006	Badminton	1 org	Bola Sepak	1 org
	Ragbi	2 org		
2007			Bola Sepak	1 org
2008	Kabbadi	4 org	Futsal	1 org
	Badminton	1 org		

## PERINGKAT ANTARABANGSA.

Peringkat antarabangsa ataupun di peringkat ASEAN atau Asia pula mahasiswa UniMAP turut terpilih untuk menyertai Kejohanan Sukan Asean Universiti Games (AUG), Sukan SUA, dan selain itu turut menyertai sukan Negara gabungan iaitu Sukan IMT-GT yang mana perwakilan universiti dari 3 buah Negara iaitu Malaysia, Thailand dan Indonesia. Berikut adalah pencapaian dan penyertaan Mahasiswa UniMAP dalam peringkat IMT-GT dan SUA.

## IMT-GT

Tahun	Nama Kejohanan	Tempat	Pencapaian
2005	IMT-GT 8 <sup>th</sup>	USM Pulau Pinang	Penyertaan kali 1
2006	IMT-GT 9 <sup>th</sup>	PSU Hatyai Thailand	Penyertaan kali ke 2 Bola Sepak (Naib Johan)
2007 / 2008	IMT-GT 10 <sup>th</sup>	USU Medan Indonesia	Penyertaan kali ke 3
2009	IMT-GT 11 <sup>th</sup>	UniMAP Perlis	Penyertaan kali ke 4 Badminton Tempat ke 3

## SUKAN SUA

Tahun	Nama Kejohanan	Tempat	Pencapaian
2004	Kejohanan Sukan Universiti Asia (SUA)	Surabaya Indonesia	Seorang wakil mahasiswa UniMAP yang menyertai dalam acara bola sepak mewakili Kontingen MASUM-Pasukan MASUM Malaysia di tempat ketiga.
2006	Kejohanan Sukan Universiti Asia (SUA)	Hanoi Vietnam	Seorang wakil mahasiswa UniMAP yang menyertai dalam acara bola sepak mewakili Kontingen MASUM-Pasukan MASUM Malaysia di tempat kedua.
2008	Kejohanan Asian Universiti Games AUG	Kuala Lumpur	Seorang wakil mahasiswa UniMAP yang menyertai dalam acara Futsal mewakili Kontingen MASUM.

## ANUGERAH SUKAN

Pihak UniMAP juga turut memberikan penghargaan dan juga pengiktirafan kepada mahasiswanya yang sedang bergiat aktif di dalam arena sukan yang mana mewakili peringkat universiti, MASUM, peringkat kebangsaan dan juga hingga ke peringkat Antarabangsa. Majlis Anugerah Gemilang Siswa (AGS) turut diadakan pada setiap tahun oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sebagai penghargaan dan pengiktirafan serta sebagai penyuntik semangat kepada mahasiswa lain untuk bergiat aktif serta mengharumkan nama universiti. Selain itu pihak MASUM, Kementerian Pengajian Tinggi juga turut mengadakan Majlis Anugeah Sukan MASUM kepada atlet –atlet yang berjaya mewakili MASUM di peringkat universiti, kebangsaan dan juga mewakili negara.

